

22 OCT 2001

Mustapa-Minyak

KENAIKAN HARGA MINYAK DIJANGKA TIDAK MENAIKKAN INFLASI

SINTOK, 22 Okt (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata langkah kerajaan menaikkan harga petrol dan diesel dijangka tidak akan meningkatkan tahap inflasi negara serta tidak membebankan kebanyakan pengguna kenderaan.

Pada masa yang sama beliau berharap para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter pada perbentangan belanjawan negara 2002 di Dewan Rakyat, Jumaat lepas. Kenaikan itu berkuatkuasa Sabtu lepas.

Mustapa berkata kenaikan itu adalah ekoran tindakan kerajaan mengurangkan subsidi bahan bakar terbabit.

"Kerajaan memberi subsidi yang tinggi kepada minyak dan langkah berkenaan membebankan kerajaan. Dengan itu kerajaan perlu mengambil langkah mengurangkan perbelanjaan subsidi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Antarabangsa - Peralihan dan Perubahan Ekonomi: Kes di Malaysia Selepas Krisis Kewangan dan Masa Hadapan, di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Seminar dua hari yang bermula hari ini yang dianjurkan Sekolah Ekonomi UUM dan Persatuan Ekonomi Malaysia, disertai lebih 30 peserta yang terdiri daripada pegawai kerajaan dan sektor swasta dari dalam dan luar negara.

Mustapa berkata kenaikan itu secara keseluruhannya tidak membebankan.

"Sebahagian rakyat tidak akan menghadapi masalah dengan kenaikan itu dan mungkin sebahagian kecil akan terasa bebanan...tetapi kerajaan akan menaikkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10 peratus," katanya.

Beliau berkata kenaikan itu mungkin dapat mengajar orang ramai berjimat dalam berbelanja.

"Kenaikan itu tidak semestinya menambah belanja orang ramai. Kalau kita berhemah berbelanja maka kita akan mencari jalan mengurangkan bebanan ... mungkin kita boleh ke pasar jalan kaki atau naik basikal," katanya.

Mengenai bantahan beberapa pihak terhadap kenaikan itu, Mustapa berkata perkara itu memang sudah dijangkakan kerana tiada siapa yang suka terhadap tambahan dalam kos hidup mereka.

Bantahan itu hanya akan kedengaran dalam tempoh yang singkat kerana akhirnya orang ramai dapat menerima hakikat bahawa kerajaan perlu mengurangkan subsidi minyak, katanya.

Ditanya pendapatnya sama ada kerajaan perlu mengkaji semula kenaikan itu, beliau berkata : "Kerajaan tidak perlu berbuat demikian".

-- BERNAMA

MZM LAT